

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HENRY SUM
AGONG [LAWAS]**

TARIKH : 19 MEI 2016

SOALAN :

YB Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelajar dari Sarawak yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari 2010-2015 dan apakah peratusan penerima biasiswa ini seimbang antara pelajar luar bandar dan bandar.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar dari Sarawak yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari 2010-2015 adalah seramai 3,296 pelajar. Pemilihan pelajar adalah berdasarkan kriteria akademik, ko-kurikulum, sosio-ekonomi dan penilaian (*temuduga/student assessment center*). Tiada kuota ditetapkan bagi pelajar luar bandar dan bandar.

Sekian, terima kasih.